

Penyampai : DATIN SERI JEANNE BINTI ABDULLAH
Tajuk : UCAPAN HUMANITARIAN FUND FOR THE CHILDREN OF GAZA
Lokasi : DEWAN BANKUET, SRI PERDANA, PUTRAJAYA
Tarikh : 19-02-2009

BISMILLAH HIRRAHMA NIRRAHIM DAN SALAM SEJAHTERA

YANG AMAT BERHORMAT

DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI

PERDANA MENTERI MALAYSIA

MERANGKAP : PENAUNG HUMANITARIAN FUND FOR THE CHILDREN OF GAZA

YANG BERHORMAT

DATO' SERI RAIS YATIM

MENTERI LUAR NEGERI

YANG BERHORMAT

TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH KURUP

TIMBALAN MENTERI

KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH

AHLI-AHLI YANG BERHORMAT

YANG BERBAHAGIA

TAN SRI MOHD SIDEK HAJI HASSAN

KETUA SETIAUSAHA NEGARA DAN;

PUAN SERI WAN NOORLINA WAN HUSSIN,

YANG DIPERTUA PUSPANITA

YANG BERBAHAGIA

JENERAL TAN SRI ABDUL AZIZ HAJI ZAINAL

PANGLIMA ANGKATAN TENTERA DAN;

PUAN SERI HAJAH ROSITAH HAJI MD MAWI,

PENGERUSI BAKAT

YANG DIHORMATI

TAN SRI MUSA DATO' HAJI HASSAN

KETUA POLIS NEGARA DAN;

PUAN SERI JURIAH AHMAD,

PENGERUSI PERKEP

MR. YOUSOUF OOMAR,

UNICEF REPRESENTATIVE IN MALAYSIA

AHLI-AHLI PUSPANITA, BAKAT, PERKEP, BAKTI DAN PARA MEDIA, TUAN-TUAN DAN
PUAN-PUAN YANG DIHORMATI SEKELIAN

1. TERLEBIH DAHULU SAYA UCAPKAN SELAMAT DATANG KEPADA SEMUA
HADIRIN. TERIMA KASIH KERANA MELUANGKAN MASA UNTUK HADIR DI PELANCARAN TABUNG
YANG DINAMAKAN HUMANITARIAN FUND FOR THE CHILDREN OF GAZA PADA PAGI INI.

2. DI SINI SAYA INGIN MERAKAMKAN PENGHARGAAN DI ATAS KESUDIAN
YANG AMAT BERHORMAT PERDANA MENTERI KERANA MENJADI PENAUANG DAN SETERUSNYA
MELANCARKAN TABUNG INI.

HADIRIN SEKELIAN,

3. SEBAGAI SEORANG IBU SUDAH TENTU KITA BERASA AMAT TERSENTUH
DENGAN PENDERITAAN DAN KESENGSARAAN YANG DIHADAPI OLEH ANAK-ANAK YANG

MENJADI MANGSA PERANG DI GAZA.

4. PERANG TELAH MENYEBABKAN ANAK-ANAK YANG TIDAK BERDOSA MENJADI MANGSA. MEREKA BUKAN SAHAJA KEHILANGAN ORANG-ORANG YANG DISAYANGI TETAPI LEBIH MENYEDIHKAN LAGI ADA ANTARA MEREKA YANG KEHILANGAN ANGGOTA TUBUH DAN MENJADI CACAT SEUMUR HIDUP. PERANG INI TELAH MENGGELAPKAN MASA DEPAN MEREKA.

5. PERANG YANG DASYAT INI JUGA TURUT MENGANGGU PSIKOLOGI ANAK-ANAK YANG SEPATUTNYA HIDUP DALAM DUNIA YANG DAMAI DAN CERIA. IANYA TELAH MENYEBABKAN MEREKA MENJADI TRAUMA.

6. MENYEDARI KESENGSARAAN YANG DIALAMI OLEH MANGSA PERANG TERUTAMA ANAK-ANAK INI BAKTI PUSPANITA PERKEP DAN BAKAT TELAH BERSEPAKAT UNTUK MENGADAKAN TABUNG INI.

7. INILAH HASRAT BAKTI BERSAMA-SAMA DENGAN TIGA BADAN WANITA YANG LAIN BAGI MEREALISASIKAN IMPIAN DAN HARAPAN ANAK-ANAK INI AGAR MEREKA DAPAT MENERUSKAN CITA-CITA DAN PELAJARAN MEREKA.

8. TABUNG INI DINAMAKAN HUMANITARIAN FUND FOR THE CHILDREN OF GAZA AKAN DILAKSANAKAN SELAMA ENAM BULAN DAN HASIL KUTIPAN AKAN DISALURKAN TERUS KEPADA UNICEF. SELAIN DARIPADA MENGADAKAN KUTIPAN UNTUK DANA INI KAMI JUGA AKAN MENGADAKAN PROGRAM-PROGRAM YANG BERSESUIAN UNTUK MENAMBAHKAN LAGI DANA. ANTARA PROGRAM YANG DICADANGKAN IALAH JUALAN POSKAD KHAS YANG AKAN DI HANTAR KEPADA ANAK-ANAK MANGSA PERANG DI GAZA.

9. BAGI PERINGKAT PERMULAAN BAKTI PUSPANITA PERKEP DAN BAKAT AKAN MENYUMBANG SEJUMLAH 50 RIBU RINGGIT SETIAP BADAN DENGAN JUMLAH KESELURUHANNYA SEBANYAK 200 RIBU RINGGIT.

10. KUTIPAN INI AKAN DIGUNAKAN OLEH UNICEF UNTUK MENGADAKAN PELBAGAI PROGRAM KEPADA ANAK-ANAK GAZA TERUTAMANYA DALAM BIDANG PENDIDIKAN.

11. HARAPAN SAYA DENGAN ADANYA SUMBANGAN DARIPADA MASYARAKAT YANG PRIHATIN SAMA ADA INDIVIDU ATAU BADAN-BADAN KORPORAT AKAN MEMBERI SINAR DAN HARAPAN KEPADA ANAK-ANAK DI GAZA UNTUK MENERUSKAN KEHIDUPAN DI MASA DEPAN YANG LEBIH SEMPURNA.

12. AKHIR KATA SAYA MENGUCAPKAN RIBUAN TERIMA KASIH KEPADA SEMUA PIHAK YANG MEMBERI KERJASAMA DAN BANTUAN UNTUK MENJAYAKAN TABUNG INI. SEMUGA DENGAN ADANYA SUMBANGAN YANG DIHULURKAN OLEH SEMUA RAKYAT MALAYSIA OBJEKTIF KITA UNTUK MERINGANKAN PENDERITAAN ANAK-ANAK GAZA AKAN TERCAPAI INSYAALLAH.

13. MARILAH KITA SAMA-SAMA BERDOA SEMUGA PEPERANGAN INI AKAN TAMAT DAN KESEMUA MANGSA PERANG DILINDUNGI ALLAH SUBHANAHU WATAALA.

DARI MATA TURUN KE HATI

MELIHAT SI KECIL MENANGIS DERITA

IBU AYAH TERBUJUR DIRATAPI

PERANG GAZA MERAGUT JIWA

BERJIWA LUHUR DERMAWAN BUDIMAN

DERMA DI-HULUR PENAWAR SENGSARA

BEBAN SI-KECIL KITA RINGANKAN

BANTULAH MEREKA SEIKHLAS JIWA

SEKIAN, WASSALAM MUALAIKUM WARAHMATULLAH HIWABARAKATUH DAN TERIMA KASIH.